

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN IR. SHAHARUDDIN ISMAIL [KANGAR]

SOALAN : Ir. Shaharuddin bin Ismail minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan jumlah eksport produk pertanian Malaysia ke negara jiran dan sejauh manakah jumlah eksport berkenaan tidak akan menjejaskan pasaran dalam negara bagi memastikan bekalan makanan mentah negara mencukupi meskipun keadaan cuaca yang tidak menentu sejak kebelakangan ini.

JAWAPAN

Nilai keseluruhan eksport makanan negara ke lima (5) buah negara jiran yang bersempadanan dengan Malaysia iaitu Brunei, Filipina, Indonesia, Singapura dan Thailand bagi tempoh 2012 hingga 2014 (Januari – Februari) adalah sebanyak RM18.45 bilion. Eksport makanan negara ke 5 buah negara tersebut mencatat peningkatan sebanyak 5.7% daripada RM8.26 bilion pada tahun 2012 kepada RM8.73 bilion pada tahun 2013.

Singapura merupakan penyumbang tertinggi kepada jumlah nilai eksport makanan negara ke negara jiran iaitu sebanyak 50.29%, diikuti oleh Indonesia (20.35%), Thailand (14.52%), Filipina (9.54%) dan Brunei (5.30%). Sepanjang tempoh rujukan, kumpulan komoditi makanan utama yang dieksport ke negara-negara jiran ini adalah:

- (i) Keluaran dan sediaan makanan lain yang diproses terutamanya makanan bayi, makanan tambahan (*supplement*) serta marjerin dan lelemak iaitu sebanyak RM4.60 bilion;
- (ii) Kopi, koko, teh dan rempah dengan nilai eksport sebanyak RM3.79 bilion;
- (iii) Bijirin dan sediaan bijirin seperti keluaran roti dan biskut dengan nilai eksport sebanyak RM2.08 bilion;

- (iv) Hasil tenusu dan telur burung seperti telur burung, sus dan hasil susu serta mentega dan lemak dari minyak, iaitu sebanyak RM1.67 bilion;
- (v) Ikan, krustasia, moluska dan sediaan iaitu sebanyak RM1.43 bilion; dan
- (vi) Binatang Hidup seperti ayam/itik dengan jumlah eksport keseluruhan sebanyak RM1.33 bilion.

Berdasarkan kepada pencapaian tahap sara diri komoditi-komoditi makanan utama bagi tempoh 2012 hingga 2013, daging ayam/itik, telur ayam/itik dan ikan makanan telah melebihi 100.0% manakala beras, buah-buahan dan sayur-sayuran masih berada pada tahap 50.0% hingga 70.0%.

Pencapaian tahap sara diri bagi komoditi-komoditi makanan utama yang telah melebihi 100.0% menunjukkan bekalan makanan berkenaan adalah mencukupi sekali gus menjamin kedudukan pasaran domestik. Namun demikian, bekalan beras, buah-buahan dan sayur-sayuran dalam negara masih tidak mencukupi berikutan hasil pengeluaran yang sederhana dan perlu ditampung dengan import dari negara-negara luar bagi memenuhi keperluan dalam negara.